



SIARAN AKHBAR
BERWASPADALAH TERHADAP BERITA PALSU
YANG DIREKA MENGGUNAKAN ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI)

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin mengingatkan orang ramai supaya berhati-hati dengan berita yang direka menggunakan Artificial Intelligence (AI). AI boleh menghasilkan teks, imej dan video yang mungkin kelihatan sah tetapi sebenarnya palsu atau mengelirukan. Amaran ini dikeluarkan berikutan berita palsu yang direka menggunakan AI baru-baru ini yang menyalahgunakan nama dan logo BDCB.
2. Berita-berita palsu seperti ini sering dikongsikan di media sosial dengan menggunakan tajuk-tajuk umpan klik (*clickbait headlines*) untuk menarik perhatian pembaca dan memperdaya mereka untuk memberikan maklumat peribadi atau kewangan. Mereka juga sering mempromosikan produk/perkhidmatan kewangan tidak berlesen atau menipu orang ramai untuk memuat turun aplikasi yang mengandungi virus pada peranti mereka.
3. Sehubungan itu, BDCB ingin menasihatkan orang ramai supaya sentiasa berwaspada dan berhati-hati, dengan:
 - a. **Mengesahkan sumber maklumat**
Jangan mempercayai maklumat yang dikongsikan dalam media sosial tanpa soal siasat dan sentiasa sahkan kesahihan laman web atau berita sebelum mengongsikannya dengan ahli keluarga dan rakan. Maklumat yang sahih mengenai BDCB boleh didapati di laman web dan akaun media sosial rasmi BDCB. BDCB sering menerbitkan siaran akhbar dan bahan-bahan penerbitan lain melalui platform ini. Sekiranya terdapat keraguan, sila rujuk saluran rasmi atau hubungi talian rasmi BDCB.
 - b. **Berwaspada terhadap dakwaan sensasi**
Berhati-hati dengan berita yang dibesar-besarkan atau kelihatan “*too good to be true*”, terutamanya jika ia melibatkan unsur penipuan kewangan, seperti menggunakan nama-nama orang terkenal atau mempromosikan pulangan yang tinggi dalam masa yang pendek.
 - c. **Mengelakkan entiti yang tidak berlesen**
Hanya berurusan dengan entiti yang dikawal selia oleh BDCB. Jika awda berurusan dengan entiti tidak berlesen atau tidak dikawalselia, awda tidak akan dilindungi di bawah rangka kerja pengawalseliaan BDCB. Peraturan ini bertujuan untuk melindungi orang ramai sebagai pengguna kewangan, dengan memastikan hanya entiti yang berkelayakan dan berlesen boleh menyediakan perkhidmatan kewangan.
 - d. **Simpan maklumat peribadi awda dengan selamat**
Jangan sekali-kali berkongsi maklumat peribadi dan/atau maklumat kewangan dengan orang lain, termasuk ahli keluarga dan rakan-rakan.
 - e. **Lapor aktiviti kewangan yang mencurigakan**
Laporkan sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan kepada Isu Pengguna Kewangan BDCB di talian 2380007/8380007 atau e-mel fci@bdcb.gov.bn.

Orang ramai boleh melaporkan sebarang aktiviti yang mencurigakan di media sosial kepada perkhidmatan media sosial (seperti Facebook atau Meta) dan kepada Brunei Computer Emergency Response Team (BruCERT) melalui talian 'hotline' di 2458001, e-mel reporting@brucert.org.bn, atau WhatsApp 7170766.

4. BDCB juga ingin menekankan bahawa menyalahgunakan nama atau logonya, atau menggunakan nama atau logonya tanpa kebenaran, adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 74A Perintah BDCB, 2010. Kesalahan ini membawa hukuman denda tidak melebihi BND20,000 atau penjara tidak melebihi tujuh tahun, atau kedua-duanya sekali.
5. BDCB komited untuk mengekalkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam di samping melindungi sistem kewangan dan pengguna kewangan di negara ini. BDCB juga akan terus memantau secara aktif sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di Negara Brunei Darussalam.
6. Untuk mendapatkan senarai institusi-institusi kewangan dibawah BDCB serta BDCB Alert List, sila layari laman web BDCB di www.bdcdb.gov.bn

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 7 Zulhijjah 1445/ 14 Jun 2024

Rujukan: BDCB/COMMS/3

Nota kepada editor:

Mengenai Brunei Darussalam Central Bank (BDCB)

Brunei Darussalam Central Bank sentiasa komited untuk mencapai dan mengekalkan sistem kewangan yang kukuh dan dinamik melalui pelaksanaan langkah-langkah dan pembaharuan sektor kewangan, selaras dengan matlamat perkembangan ekonomi negara. Ini termasuk memastikan kestabilan harga domestik; mengekalkan kestabilan sistem kewangan, dengan menggubal peraturan kewangan dan piawaian berhemat; membantu dalam penubuhan, penyelenggaraan dan penyeliaan sistem pembayaran yang cekap; serta menggalakkan dan mengembangkamajukan sektor perkhidmatan kewangan yang kukuh dan progresif.